



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (36)
Tarikh : 3 Disember 2019

SIARAN MEDIA

PERHIMPUNAN BULANAN KPKT

Putrajaya, 3 Disember 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan perhimpunan bulanan pada hari ini dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bersempena dengan perhimpunan bulanan ini, Timbalan Menteri KPKT telah menyorot pencapaian KPKT sepanjang tahun 2019. Antara yang disentuh ialah :-

1. Pelancaran **Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025)** pada 28 Januari 2019
2. **Rasionalisasi agensi perumahan** melalui perpindahan tiga agensi utama iaitu Perbadanan PRIMA Malaysia; Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM); dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) ke bawah KPKT.
3. **Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM)** yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019.
4. **Home Ownership Campaign (HOC)** yang dilancarkan pada Januari lalu telah berjaya meningkatkan jualan hartanah sebanyak 19,784 unit dengan nilai RM14.65 bilion setakat 13 September 2019.
5. **Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam/ Pasar Harian/ Pasar Tani di Kawasan PBT** telah diluluskan dalam Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) bertarikh 23 Julai 2019 untuk diguna pakai oleh PBT di seluruh negara.
6. **Aplikasi mudah alih MyWc (My Water Closet)** yang telah dilancarkan pada 12 September 2019 bagi membantu orang ramai mencari tandas awam berpandukan fungsi sistem penentu kedudukan global (GPS).
7. **Konvensyen Pemerkasaan PBT Kedua** bersempena Persidangan *Asia Pacific Urban Forum* Ketujuh (APUF7) pada 14 hingga 17 Oktober 2019 di Pulau Pinang.
8. Pelancaran **OSC 3.0 Plus Online**. Sistem ini merupakan inisiatif menambahbaik proses permohonan dan kelulusan Pelan Pemajuan

terutamanya Kebenaran Merancang (KM) agar tiada kelewatan berlaku semasa pengeluaran kelulusan KM di peringkat PBT.

9. Penganjuran **Simposium Kerajaan Tempatan Peringkat Kebangsaan** oleh I-KPKT yang bertemakan Ke Arah Pemerkasaan Pemuliharaan Bangunan Usang Sebagai Aset PBT pada 12 hingga 13 November 2019 di KPKT.
10. Pelancaran **Dasar Kebersihan Negara** pada 3 November 2019 di Melaka bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Habitat peringkat Malaysia.
11. **Kempen Berani Tegur, Let's Do it Right** turut dilancarkan bersempena dengan Dasar Kebersihan Negara dengan harapan rakyat Malaysia dapat menerapkan budaya berani menegur terhadap sikap tidak mengamalkan kebersihan dalam kalangan masyarakat.
12. **Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air Tahun 2019** yang merupakan Inisiatif KPKT bagi mengurangkan kejadian kelemasan. Inisiatif ini melibatkan pemasangan papan tanda keselamatan di air mengikut ISO 20712 serta Life Savings Appliances (LiSA).
13. **Pemasangan LiSA** merupakan alat yang berfungsi sebagai agen penyelamat dan mempunyai siren yang akan berbunyi nyaring bagi memberi isyarat memaklumkan kepada pengunjung pusat rekreasi air bahawa terdapat kes kecemasan kelemasan sedang berlaku ketika itu.
14. **Dasar Komuniti Negara** telah dilancarkan pada 17 Februari 2019 yang lalu. Dasar Komuniti Negara merupakan satu dasar untuk memberdaya komuniti setempat supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama.
15. **Konvensyen Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)** yang dianjurkan untuk menggalakkan budaya keusahawanan dan perniagaan di kalangan peserta.
16. Menjenama **semula semua syarikat PPW berlesen dengan nama baharu iaitu syarikat Kredit Komuniti** pada 5 April 2019 yang lepas.
17. KPKT turut menjenama semula Bahagian Pinjaman Wang dan Pajak Gadai (BPWG) kepada **Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK)**.
18. Melancarkan **aplikasi mobil i-KrediKom** pada 5 April 2019 dan **aplikasi mobil i-Gadaian** pada 19 Jun 2019 yang lalu. Aplikasi memudahkan orang awam untuk membuat carian syarikat yang berlesen.
19. Menguatkuasakan **Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompaunan Kesalahan) 2019** sebagai satu peraturan subsidiari yang baharu di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Dalam usaha untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, KPKT juga sedang membangunkan beberapa akta/dasar baharu iaitu:

- a) Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang membangunkan **Akta Sewaan Kediaman** bagi mengawal selia aktiviti penyewaan dan menjaga kepentingan golongan penyewa serta tuan rumah;
- b) JPN sedang membangunkan **satu sistem pangkalan data perumahan bersepadu (*Housing Integrated Database System*)** untuk tujuan pengumpulan dan analisis data perumahan secara menyeluruh menerusi platform analitis data raya (*big data analytics*) yang dijangka akan disiapkan pada tahun 2021; dan
- c) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan menggubal Dasar Pemerksaan PBT yang mengandungi pelbagai program dan strategi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat.

Dalam perhimpunan ini juga, KPKT telah melancarkan **Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompanaan Kesalahan) 2019** yang telah dikuatkuasakan pada 2 Mei 2019. Peraturan ini telah digubal bagi memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (COB di PBT) untuk mengkompaan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 757 atau peraturan subsidiarinya.

Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompanaan Kesalahan) 2019 akan membolehkan sebanyak **29 kesalahan di bawah Akta 757** dan sebanyak **14 kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan)** tanpa perlu merujuk kepada mahkamah atau Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS). Kadar kompaun dikenakan 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan itu (kadar kompaun dikenakan adalah antara RM2,500.00 hingga RM250,000.00).

Pihak yang boleh dikenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah:

- (i) Pemaju;
- (ii) Badan Pengurusan Bersama/Joint Management Body (JMB);
- (iii) Perbadanan Pengurusan/Management Corporation (MC);
- (iv) Ejen;
- (v) Pembeli / pemunya atau pemilik petak; dan
- (vi) Mana-mana individu.

Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompanaan Kesalahan) 2018 yang diperkenalkan ini merupakan satu mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan di bawah Akta 757 di mana pihak yang berkepentingan tidak perlu menunggu setiap kesalahan didakwa di mahkamah yang akan mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi.

Selain itu juga dalam majlis yang sama, KPKT turut melancarkan satu sistem pengurusan media yang dinamakan e-Media. Sistem ini membolehkan pengurusan pernyataan media dilaksanakan secara *real time*, responsif dan telus. Pembangunan sistem yang bersepadu dan berpusat ini dibangunkan secara dalaman oleh warga KPKT sendiri.

Turut disampaikan dalam majlis ini ialah hadiah bagi Pertandingan Dokumentasi dan Video Kreatif Kampung Baru Tahun 2019 anjuran Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Pertandingan ini bertemakan “Lembaran Baru, Kampung Baruku” yang bertujuan menonjolkan keindahan dan keunikan Kampung-Kampung Baru di Malaysia. Objektif pertandingan ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan sejarah dan budaya Kampung Baru; menggalakkan interaksi dan hubungan antara komuniti kampung dan pihak luar; dan mengumpul rekod mengenai keunikan dan kebudayaan Kampung Baru.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

**INFO PERTANDINGAN DOKUMENTASI DAN VIDEO KREATIF KAMPUNG BARU
TAHUN 2019**

1. Pertandingan ini terbuka kepada 2 kategori iaitu:
 Kategori I : Semua warganegara Malaysia
 Kategori II : Semua pelajar yang sedang menuntut di mana-mana institusi pendidikan Malaysia.
2. Video yang berjaya masuk ke peringkat akhir telah dimuatnaik ke laman media sosial Jabatan Kerajaan Tempatan.
3. Keputusan pertandingan telah seperti berikut :-

Pemenang Kategori orang awam :

Tempat	Nama Pemenang/ Kampung/Negeri	Tajuk Video	Hadiah
Johan	Liang Ka En/ Kampung Baru Kangkar Bahru, Johor	Taxi Uncle	RM5,000.00
Naib Johan	Ang Wui Chong/ Kampung Pasir Parit, Kelantan	Himpunan Sin Beng	RM3,000.00
Ketiga	Tan Lian Cheur/ Kampung Dusun Pulai, Kelantan	Kampung Pulai Sweet Nyet Temple	RM2,000.00

Pemenang Kategori Pelajar:

Tempat	Nama Pemenang/ Kampung/Negeri	Tema Video	Hadiah
Johan	Koo Yu Wei / Kampung Baru Gerisek, Johor	Bird Nest Club In Gerisek	RM5,000.00
Naib Johan	Lim Zi Yang / Kuala Sepetang, Perak	Kampungku, Banggaku	RM3,000.00
Ketiga	Chai Yu Man @ 48hrs Liver Boomed/ Kampung Baru Pandan, Johor	Pandan Memory	RM2,000.00